

09 OCT 1997

Parlimen-Bank

BANK NEGARA TERUSKAN DASAR TIDAK CAMPURTANGAN

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Bank Negara masih meneruskan dasar untuk tidak campur tangan dalam pasaran pertukaran wang asing bagi mempertahankan kedudukan ringgit, demikian persidangan Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Wong See Wah berkata, usaha mempertahankan kedudukan ringgit adalah sia-sia kerana jumlah yang perlu dibelanjakan terlalu besar.

Ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Bank Negara (Pindaan) 1997, beliau berkata kerajaan menyerahkan kepada pasaran untuk menentukan nilai ringgit walaupun ia sedar mata wang negara menghadapi serangan daripada manipulator dan spekulator.

Bagaimanapun, beliau berkata, Bank Negara sentiasa mengawasi kedudukan ringgit dalam pasaran pertukaran wang asing bagi memastikan nilai mata wang negara terus berada pada paras yang munasabah.

Katanya, walaupun negara kini dilanda krisis mata wang keyakinan pelabur kepada ekonomi Malaysia masih kukuh.

Terdahulu, semasa perbahasan, Datuk Dr Kamal Saleh (BN-Wangsa Maju) berkata, jika Bank Negara mengambil keputusan untuk campur tangan mempertahankan ringgit pada kedudukan 2.5000 atau 2.6000 berbanding dollar Amerika, ia akan hanya membuatkan manipulator asing seperti pembiaya kewangan antarabangsa, George Soros, lebih berusaha menjatuhkan ringgit.

Sehubungan itu, Dr Kamal berkata, keputusan Bank Negara membiarkan kedudukan ringgit ditentukan oleh pasaran adalah tepat kerana ringgit akan kembali stabil apabila pasaran melakukan pembedahan.

Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) pula berkata, kelemahan ringgit kini tidak menggambarkan kedudukan ekonomi negara kerana hanya dalam masa dua minggu mata wang negara sudah pulih daripada paras 3.4000 kepada 3.0825 hari ini.

"Ini menunjukkan ekonomi negara ditunjangi dengan asas-asas ekonomi yang kukuh," katanya.

Karpal Singh (DAP-Jelutong) menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengemukakan saman malu terhadap Soros kerana memanggilnya "A loose cannon" dan "A menace to his country" ketika berucap pada seminar Bank Dunia di Hong Kong baru-baru ini.

"Jikalau beliau bersedia untuk kemukakan saman malu itu, saya bersedia menawarkan khidmat guaman secara percuma," kata Karpal yang juga seorang peguam terkenal di negara ini.

Rang undang-undang itu kemudian diluluskan. -- BERNAMA

MHI AH NMO